

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB BERTULIS**

DARIPADA : **DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM**
[PERMATANG PAUH]

SOALAN : **Dato' Seri Anwar bin Ibrahim**
[Permatang Pauh] minta **MENTERI**
LUAR NEGERI menyatakan secara terperinci jumlah bantuan yang telah disumbangkan oleh Kerajaan Malaysia kepada mangsa-mangsa di Palestin setakat ini ekoran "Operation Protective Edge" yang dilancarkan rejim Zionis terhadap Gaza baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan yang Di-pertua,

Jumlah bantuan yang telah disumbangkan oleh Kerajaan Malaysia kepada mangsa-mangsa di Palestin setakat ini ekoran "Operation Protective Edge" yang dilancarkan rejim Zionis terhadap Gaza baru-baru ini adalah berjumlah USD200,000.00 dengan pecahan seperti berikut:

- (i) USD100,000.00 - sumbangan kewangan ini akan disalurkan kepada *United Nations Relief and Works Agency (UNRWA)*, iaitu sebuah badan yang dipertanggungjawabkan untuk memberi perlindungan kepada pelarian-pelarian Palestin. Bantuan kewangan tersebut akan digunakan oleh UNRWA untuk melaksanakan program bantuan kepada pelarian-pelarian Palestin, terutamanya di Gaza; dan
- (ii) USD100,000.00 - sumbangan kewangan ini akan disalurkan kepada salah sebuah organ subsidiari Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) iaitu *Islamic Solidarity Fund (ISF)*, bagi membolehkan pihaknya melaksanakan bantuan-bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin di Gaza.

2. Kesediaan Kerajaan memberi sumbangan kepada UNRWA dan OIC telah diumumkan oleh delegasi Malaysia semasa *the Meeting of the OIC Committee of Six on Palestine* pada 24 September 2014 di New York.

3. Sumber kewangan bagi kedua-dua sumbangan kepada UNRWA dan OIC berjumlah USD100,000.00 tersebut telah diperolehi daripada Tabung Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP), iaitu sebuah tabung di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri yang bertujuan untuk menggumpul serta menyelaraskan sumbangan kewangan orang awam Malaysia yang seterusnya akan disampaikan kepada rakyat Palestin melalui kaedah-kaedah yang sesuai.

4. Semasa Persidangan Antarabangsa mengenai Pembangunan semula Gaza, Palestin yang telah diadakan pada 12 Oktober 2014 di Kaherah, Mesir, Kerajaan Malaysia telah mengumumkan kesediaan untuk memberikan sumbangan kewangan tambahan secara terus kepada Palestin. Jumlah sumbangan kewangan tersebut akan diputuskan kelak.

5. Selain itu, Pertubuhan Badan-Badan Bukan Kerajaan Malaysia termasuk Kelab Putra1 Malaysia (KP1M) dan Perdana Global Peace Foundation (PGPF) turut menghantar sejumlah 44.4 tan bantuan kemanusiaan kepada pihak-pihak berkenaan di Palestin, bagi meringankan kesengsaraan mereka ketika Israel melancarkan serangan ketenteraan ke atas Gaza, Palestin selama lebih 50 hari baru-baru ini.

Sekian, terima kasih.